

**Terbitan** : Dewan Ekonomi | Info Cukai  
**Keluaran** : Oktober 2025  
**Tajuk** : Duti Setem – Tonggak Kepercayaan Ekonomi

*Info Cukai*

Oleh: HASIL

## Duti Setem Tonggak Kepercayaan Ekonomi

**D**uti setem sering dianggap sekadar formaliti ketika menandatangani perjanjian atau dokumen rasmi. Hakikatnya, duti setem merupakan instrumen fiskal penting negara yang bukan sahaja menjadi sumber hasil kerajaan, malah berperanan sebagai pengiktirafan undang-undang terhadap pengesahan dokumen dalam urusan komersial dan perundangan.

### Apakah Duti Setem?

Duti setem ialah cukai langsung yang dikenakan ke atas surat cara, iaitu dokumen bertulis yang mempunyai implikasi undang-undang, kewangan atau komersial. Antara dokumen yang tertakluk termasuklah perjanjian, kontrak, pemindahan hak milik hartanah, jual beli saham, pajakan dan sewaan.

Mengikut Akta Setem 1949, tanggungjawab pembayaran duti ditentukan melalui pihak yang disenaraikan di bawah Jadual 3. Terdapat dua kategori duti, iaitu:

- **Duti tetap** – duti yang dikenakan tanpa mengambil kira jumlah balasan atau amaun yang tercatat dalam sesuatu surat cara. Duti ini meliputi dokumen seperti surat cara perundangan, surat kuasa wakil, polisi insurans, nota janji hutang serta dokumen berkaitan dengan persatuan syarikat. Surat cara pendua atau subsidiari juga tertakluk pada duti tetap, asalkan surat cara utama telah disetamkan dengan sempurna.
- **Duti ad valorem** – duti ini bergantung pada nilai balasan atau nilai pasaran yang dinyatakan dalam surat cara. Antara dokumen yang tertakluk termasuklah surat cara pemindahan hartanah, pindah milik saham syarikat, perjanjian penyewaan atau pajakan berkanun serta kontrak berkaitan dengan pembayaran atau bayaran balik.

### Dimensi Ekonomi: Lebih daripada Sekadar Cukai

Duti setem bukan hanya menyumbang kepada hasil negara, tetapi juga membentuk tingkah laku pasaran. Sebagai contoh, kadar duti setem yang dikenakan terhadap transaksi hartanah boleh mempengaruhi permintaan terhadap pembelian rumah, khususnya dalam kalangan pelabur dan pembeli rumah pertama.

Selain itu, hasil kutipan duti setem menyokong pembiayaan pembangunan infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan pelbagai inisiatif sosial kerajaan. Dalam konteks ini, pematuhan terhadap duti setem merupakan sebahagian daripada tanggungjawab fiskal rakyat bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

### Transformasi Digital: Sistem STAMPS

Seiring dengan arus pendigitalan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) memperkenalkan Stamp Assessment and Payment System (STAMPS). Sistem ini membolehkan taksiran dan pembayaran duti setem dilakukan secara dalam talian, sekali gus memudahkan urusan masyarakat dan pemiagaan.



Melalui STAMPS, pengguna boleh mendaftar, memuat naik dokumen, menerima pemberitahuan kadar bayaran duti, membuat pembayaran melalui pertukaran proses kewangan (FPX) atau Virtual Account, serta mencetak sijil setem secara elektronik. Proses ini meningkatkan ketelusan dan kecekapan serta mengurangkan risiko kelewatan dalam urusan rasmi.

#### **Hak, Rayuan dan Bayaran Balik**

HASiL turut menyediakan saluran semakan semula sekiranya terdapat ketidakpuasan hati terhadap taksiran duti. Pembayar boleh mengemukakan rayuan bersama-sama dokumen sokongan melalui sistem STAMPS. Jika berlaku bayaran berlebihan atau perjanjian terbatal, mekanisme bayaran balik disediakan mengikut peruntukan undang-undang.

Keterbukaan dalam memberikan ruang rayuan ini memperkukuh keyakinan pelabur dan masyarakat bahawa sistem percukaian negara dilaksanakan secara telus dan berintegriti.

#### **Sistem Taksir Sendiri Duti Setem**

Mulai 1 Januari 2026, Malaysia akan melaksanakan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) secara berfasa melalui portal MyTax. Melalui sistem ini, pembayar duti boleh membuat taksiran dan pembayaran secara terus tanpa menunggu kelulusan Timbalan Pemungut Duti Setem atau HASiL.

Antara kelebihan utama STSDS termasuklah:

- Proses yang lebih cepat dan efisien;
- Peningkatan kefahaman serta pematuhan undang-undang oleh pembayar;
- Penyelarasan dengan amalan terbaik negara maju seperti Singapura, Hong Kong, United Kingdom dan Australia.

Dari sudut ekonomi, sistem taksiran sendiri bukan sahaja mengurangkan kos pentadbiran kerajaan, malah turut meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat.

#### **Pasaran dan Pelaburan**

Dalam sektor hartanah, struktur kadar duti setem boleh mempengaruhi aliran pelaburan. Sebagai contoh, pengecualian duti setem untuk pembeli rumah pertama menjadi galakan kepada golongan muda, sekali gus merancakkan pasaran perumahan.

Bagi pasaran modal pula, kadar duti setem yang kompetitif terhadap urus niaga saham menjadi faktor penting untuk mengekalkan daya tarikan Bursa Malaysia pada mata pelabur domestik dan asing. Oleh itu, duti setem berfungsi bukan sekadar sebagai instrumen percukaian, tetapi juga mekanisme dasar yang menyokong kestabilan pasaran.

#### **Kesimpulan**

Duti setem bukanlah beban tambahan semata-mata, sebaliknya satu bentuk perlindungan undang-undang yang mengiktiraf kesahihan dokumen. Tanpa penyeteman, sesuatu dokumen boleh dianggap tidak sah dan tidak boleh diterima di mahkamah.

Lebih penting lagi, duti setem merupakan tonggak dalam tadbir urus fiskal negara. Duti ini bukan sahaja menyumbang kepada hasil kerajaan, malah mempengaruhi dinamik pasaran dan mengukuhkan keyakinan terhadap integriti sistem kewangan Malaysia.

Dengan inovasi digital melalui STAMPS dan pelaksanaan STSDS, Malaysia sedang melangkah ke arah ekosistem percukaian yang lebih moden, mesra pengguna dan seiring dengan perkembangan global. Langkah ini merupakan suatu prasyarat penting untuk mengekalkan daya saing dalam landskap ekonomi dunia yang semakin mencabar.